

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 31

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan :-

- a) usaha Kementerian memantau setiap fasa pelaksanaan program “food bank” seperti yang dijalankan di Perancis (iaitu fasa pelaksanaan pendermaan makanan, penyeragaman kualiti makanan dan penyenaraian makanan yang diderma); dan
- b) sama ada “good Samaritan Laws” akan dikuatkuasakan menerusi ketiga-tiga fasa ini.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

- (a) Kementerian telah menubuhkan Yayasan Food Bank Malaysia yang diperbadankan di bawah Seksyen 2, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] sebagai ‘kenderaan’ untuk menggerakkan Program Food Bank Malaysia (PFBM) ke seluruh negara. Yayasan Food Bank Malaysia ini dikawal selia oleh KPDNHEP dan berperanan untuk memastikan setiap operasi pelaksanaan *food bank* berjalan dengan baik.

Kementerian dan Yayasan Food Bank Malaysia sering menjalankan lawatan berkala ke tapak pengumpulan lebihan makanan dan tempat penyimpanan makanan bagi memastikan Rakan Strategik Kementerian sentiasa mengutamakan keselamatan dan kualiti makanan. Selain itu, pihak Kementerian dan Yayasan juga masih menetapkan senarai makanan yang diberi adalah makanan seperti roti, kek, biskut, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Selain daripada mengumpul makanan kering, Rakan Strategik Kementerian juga mengumpul lebihan makanan di hotel-hotel melalui perjanjian dengan Persatuan Tukang Masak yang melatih para sukarelawan bagaimana untuk mengendalikan makanan yang telah dimasak supaya sihat dan tidak tercemar. Kementerian memberi jaminan bahawa makanan yang dikumpulkan adalah masih segar dan boleh dimakan. Sehingga kini, Kementerian tidak menerima satu pun aduan makanan yang diagihkan itu tercemar.

(b) ‘Good Samaritan Law’ tidak akan menguatkuasakan ketiga-tiga fasa tersebut (pelaksanaan pendermaan makanan, penyeragaman kualiti makanan dan penyenaraian makanan yang diberi). Rang Undang-Undang yang sedang digubal oleh KPDNHEP adalah khusus untuk memberi pelindungan kepada penderma makanan daripada dikenakan tindakan undang-undang sekiranya berlaku kesan terhadap makanan yang didermakan. RUU ini akan bertujuan menggalakkan penderma daripada pihak industri untuk menyumbangkan lebihan makanan kepada Program Food Bank Malaysia (PFBM).

Kemudian, satu garis panduan berkenaan pelaksanaan *food bank* yang sudah ada akan diperkemaskan bagi memastikan setiap fasa tersebut mengikut piawaian dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM). Antara lain, Garis panduan ini memperincikan setiap peranan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pihak penderma makanan, Rakan Strategik Kementerian dan penerima sumbangan makanan bagi memastikan PFBM berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.